



Arahan: Jawab semua soalan dalam setiap bahagian.

Bahagian A

[15 markah]

Soalan 1 – 2

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

1. Pasukan tentera menjaga keselamatan dan kedaulatan negara _____ dicceroboh oleh musuh.
A dari C sehingga
B daripada D apabila
2. Aktiviti pembalakan yang tidak terkawal menyebabkan haiwan diancam _____.
A kesusahan C kesempitan
B kesulitan D kepupusan

Soalan 3 – 4

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

3. I Biskut yang dibiarkan terdedah di atas meja itu *keras* kerana telah dimasuki angin.
II Tapak tangan lelaki tua itu *keras* kerana kuat bekerja sejak usia muda.
III Besi padu itu sukar dilentur walaupun dibakar dengan api kerana sangat *keras*.
IV Tarmizi murid yang *keras* hati dan tidak pernah berputus asa dalam melakukan sesuatu perkara.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja
4. I Rusuhan itu *meletus* keadaan huru-hara di tengah bandar.
II Zamri terkejut apabila sebiji belon *meletus* dengan kuat.
III Pergolakan politik menyebabkan peperangan *meletus* di negara-negara Timur Tengah.
IV Kemarahannya *meletus* apabila keluarganya ditindas dan dianiaya.
A I dan II sahaja C I, II, dan III sahaja
B III dan IV sahaja D II, III, dan IV sahaja

Soalan 5 – 6

Bahagian yang **bergaris** dalam ayat-ayat yang berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada A, B, atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

5. "Harap jangan buat keputusan dengan terburu-buru," kata Cikgu Hamid kepada murid-muridnya.
A Harap buat keputusan
B Jangan buat keputusan
C Keputusan harap jangan buat
D Harap jangan buat keputusan
6. Kejayaan yang Kamal peroleh sekarang ialah hasil kerja kerasnya.
A yang Kamal beroleh
B yang diperoleh Kamal
C Kamal yang memperoleh
D yang Kamal peroleh

Soalan 7 – 8

Pilih ayat-ayat yang betul.

7. I Encik Farid bukan seorang peguam bertauliah seperti yang kita sangka.
II Rehan berasa curiga apabila melihat tiga tompok darah di atas lantai itu.
III Kami diminta untuk merahsiakan setengah perkara daripada pengetahuan orang ramai.
IV "Di dalam hal kebajikan kampung ini, kita perlulah sepakat," kata ketua kampung kepada anak buahnya.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja
8. I Kadri mengatakan bahawa dia berasal dari suku kaum Bidayuh.
II Borang kemasukan ke asrama penuh itu sudah saya hantar semalam.

- III Kedua-dua pihak perlu berbincang untuk menyelesaikan sebarang masalah.
- IV Para pelancong terpesona melihat keindahan alam semula jadi di puncak gunung.
- A I dan II sahaja
- B III dan IV sahaja
- C I, II, dan III sahaja
- D II, III, dan IV sahaja

Soalan 9

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

9. Sejak ayahnya jatuh sakit, Fahmi bekerja sambil belajar bagi meringankan beban yang ditanggung oleh keluarganya.
- A Fahmi disuruh oleh bapanya supaya bekerja sambil belajar bagi meringankan beban yang ditanggung oleh mereka.
- B Beban yang ditanggung oleh ayah Fahmi yang sedang sakit itu menjadi ringan setelah Fahmi bekerja sambil belajar.

- C Sejak ayah Fahmi jatuh sakit, Fahmilah yang terpaksa menanggung beban keluarganya.
- D Untuk meringankan beban keluarga sejak ayahnya jatuh sakit, Fahmi bekerja sambil belajar.

Soalan 10

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

10. Peribahasa yang berikut membawa maksud usaha gigih untuk memperoleh kejayaan, kecuali
- A alang-alang menyeluk pekasam biar sampai ke pangkal lengan.
- B hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih.
- C gajah sama gajah berlawan, pelanduk mati di tengah-tengah.
- D kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya.